

Kementerian, agensi ambil langkah segera pastikan keselamatan Keluarga Malaysia - PM



Anggota keselamatan membantu mangsa banjir di Kuala Lumpur pada Isnin.

SHAH ALAM - Susulan kejadian banjir kilat yang berlaku di beberapa lokasi di Lembah Klang, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa kementerian dan agensi telah mengambil langkah segera bagi memastikan keselamatan Keluarga Malaysia.

Beliau berkata, beberapa kawasan di Kuala Lumpur telah dilanda banjir kilat dan dinaiki air pada Isnin.

Ismail Sabri dalam masa sama menasihati orang ramai

agar mengelakkan diri daripada melalui kawasan yang terlibat dengan banjir kilat.

“Elak melalui kawasan banjir kilat dan berhati-hati memandu sewaktu hujan,” katanya menerusi ciapan di Twitter pada Isnin.

Menerusi gambar tular di media sosial, beberapa kenderaan yang diletakkan bersebelahan bangunan Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI) kelihatan ditenggelami banjir.

Selaras dengan itu, tero-

wong Jalan Raya, dan Pengurusan Air Banjir (SMART) juga ditutup sepenuhnya sebagai persediaan operasi banjir.

Banjir yang melanda menyaksikan ribuan kereta yang diletakkan di parkir terbuka dan bawah tanah dalam bangunan sekitar ibu kota ini turut ditenggelami air banjir.

Jabatan Meteorologi Malaysia pada Ahad juga telah mengeluarkan amaran mengenai kemungkinan banjir kilat di Petaling Jaya, Klang dan Shah Alam.

Lembah Klang dilanda banjir kilat

sinak hari ini - 8/2/2022 (mls 12)

Beberapa kawasan terjejas berikutan hujan lebat yang bermula jam 3 petang

SHAH ALAM

Beberapa kawasan utama di Lembah Klang ditenggelami air berikutan hujan lebat bermula jam 3 petang Isnin.

Kejadian itu turut menyebabkan puluhan kereta terperangkap di jalan raya dan ada antaranya tenggelam apabila kawasan parkir dinaiki air.

Antara kawasan terlibat ialah Jalan Chan Show Lin, Jalan Tun Razak, Jalan Kia Peng, Jalan Raja Chulan, Jalan Kuching dan Jalan Raja Laut.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menerusi perkongsian di laman Facebook memaklumkan, pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Kelab Sultan Sulaiman telah dibuka dan anggota polis dari Balai Polis Chow Kit membantu kerja-kerja pemindahan.

Hujan lebat itu turut mengakibatkan paras air beberapa sungai di sekitar Lembah Klang berada dalam *trend* menaik antaranya Sungai Gombak (Jalan Tun Razak) yang melepasi aras bahaya, manakala Sungai Batu (Sentul), Sungai Klang (Jambatan Sulaiman dan Leboh Pasar) dan Sungai Gombak (Jalan Parlimen) melepasi aras amaran.

“Nadma ingin mengingatkan orang awam agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga,

peka dengan keadaan sekeliling dan mengutamakan keselamatan diri ketika banjir berlaku,” menurut hantaran itu.

Dalam pada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur menerima laporan sembilan kawasan sekitar ibu kota dilanda banjir kilat setakat jam 6.25 petang Isnin.

Pusat Gerakan Operasi JBPM Kuala Lumpur dalam satu kenyataan berkata, kawasan terlibat adalah Jalan Kuchai Lama, Jalan Air Keroh-Air Panas, Jalan Leboh Ampang, Taman Salak Selatan, Taman U-Thant, Taman Sri Petaling, Jalan Cheras Batu 2 1/2, Kampung Periuk dan Kampung Pasir.

Menurut kenyataan itu, di Jalan Cheras Batu 2 1/2 pihaknya menerima laporan kejadian banjir kilat yang telah menyebabkan tebing runtuh di sebuah taska.

“Kawasan taska dimasuki air dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pudu telah mengeluarkan 40 murid dan guru ke lokasi selamat.

“Pihak bomba bertindak mengawal dan meninjau keadaan dan situasi semasa dilaporkan kembali stabil,” menurut kenyataan itu.

Sementara di Jalan Kuchai Lama katanya, 18 anggota dari BBP Seputeh, Hang Tuah dan Pantai dikejarkan ke lokasi kejadian sebaik menerima laporan banjir sehingga paras dua meter.

“Dianggarkan 12 kenderaan terperangkap dan ada mangsa yang berdiri di atas bumbung kereta telah diselamatkan anggota bomba yang tiba di lokasi kejadian,” katanya.



Kenderaan orang awam yang ditenggelami air sekitar Jalan Kia Peng berdekatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Tambah kenyataan itu, air setinggi tiga meter menenggelamkan Kampung Periuk di Kampung Baru.

Sementara itu, kawasan yang terjejas akibat banjir kilat di Meru pula meningkat kepada enam lokasi akibat hujan berterusan.

Pengarah JBPM Selangor, Norazam Khamis berkata, lokasi-lokasi tersebut ialah di Persiaran Hamzah Alang, Jalan Teratai, Jalan Meru Daya, Jalan Sesenduk Meru, Jalan Cempaka dan Jalan Paip serta Pekan Kapar.

Menurutnya, air banjir setinggi 0.46 meter itu juga memasuki rumah kediaman dan asmara pekerja kilang di sini.

Jelasnya, selain itu, lebih 50 rumah di kawasan Rawang dan Sungai Buloh turut terkesan akibat banjir kilat.

“Antara kawasan yang dilanda banjir kilat di Rawang ialah Kampung Gombak, Kampung Melayu Seri Kundang dan Kampung Sungai Serai,” ujarnya.



Anggota bomba membantu mengalihkan kenderaan orang awam yang ditenggelami air di Lorong Gurney.



Orang ramai terkandas akibat banjir kilat di kawasan perumahan di Lorong Gurney, Kuala Lumpur.